


34. Lawatan ke Taman Haiwan

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

lawatan

berwarna-warni

gembira

buas

berayun

kepungan

Pada hari ini, sekolah kami mengadakan **lawatan** ke Taman Haiwan Singapura. Semua murid **gembira**.

Kami dapat melihat pelbagai jenis binatang. Ada monyet-monyet yang sedang **berayun** di atas pokok. Ada juga burung merak yang berkeliaran di sini. Saya dan Hazmi terpegun melihat bulu-bulunya yang cantik dan **berwarna-warni**.

Di sini juga terdapat binatang-binatang **buas** seperti singa, harimau dan buaya. Binatang-binatang ini mesti berada di dalam sebuah **kepungan** kerana mereka merbahaya.

Di akhir lawatan kami, kami bergambar dengan beberapa ekor orang utan. Orang utan itu semua sungguh cerdik.